

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM,  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN IGNATIUS DORELL  
LEIKING [ PENAMPANG ]**

**NO. SOALAN : 140**

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan jika adanya permohonan daripada Kerajaan Sabah untuk naik taraf kepada "Tar / Sealed" road sebuah jalan raya yang dalam keadaan teruk di Kg. Kondohon, Penampang dan jika tidak ada, bolehkah Kementerian membuat inisiatif sendiri untuk membina jalan raya kampung ini atas sebab adanya kira-kira 200 lebih penduduk termasuk murid-murid sekolah yang mengguna jalan raya tersebut walaupun dalam keadaan teruk.

**JAWAPAN:**

Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan maklumat daripada pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) Negeri Sabah, jalan yang dimaksudkan adalah di bawah skop Projek Jalan Kampung (PJK) yang dilaksanakan oleh Pihak Kementerian. Pihak Kementerian akan menjalankan siasatan terlebih dahulu berhubung cadangan menaik taraf jalan yang dimaksudkan bagi tujuan penentuan skop dan anggaran kos.

Sekiranya didapati menepati skop dan terdapat keperluan mendesak, Pihak Kementerian akan mempertimbangkan cadangan untuk menaik taraf jalan-jalan tersebut pada tahun 2019/2020 tertakluk kepada peruntukan kewangan yang diluluskan.